

ISRAK DAN MIKRAJ

17 FEBRUARI 2023 | 26 REJAB 1444 H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Isra' ayat 1:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

سُبْحَانَ الَّذِي أَسْرَى بِعَبْدِهِ لَيْلًا مِنَ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ إِلَى الْمَسْجِدِ الْأَقْصَا الَّذِي بَرَكْنَا حَوْلَهُ لِنُرِيَهُ وَمِنَ آيَاتِنَا إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْبَصِيرُ ﴿١﴾

Yang bermaksud: "Maha Suci Allah Subhanahu wa Taala yang telah menjalankan hamba-Nya (Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam) pada malam hari dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa yang Kami berkati sekelilingnya untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda kekuasaan dan kebesaran Kami. Sesungguhnya Allah Subhanahu wa Taala jualah yang Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Peristiwa Israk dan Mikraj merupakan satu bukti tentang kebesaran dan kekuasaan Allah Subhanahu wa Taala dalam memperjalankan diri Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa dan seterusnya Baginda Sallallahu 'Alaihi Wasallam diangkat ke langit untuk menerima perintah solat lima waktu daripada Allah Subhanahu wa Taala.

Menurut Imam Fakhrurrazi di dalam kitabnya (Tafsir al-Kabir) menyatakan apa yang difirmankan oleh Allah Subhanahu wa Taala dalam potongan ayat yang

pertama dari surah al-Isra' : **لِنُرِيَهُ مِنْ آيَاتِنَا** "untuk kami memperlihatkan dari tanda-tanda (kebesaran dan kekuasaan) kami " memberi pengertian, bahawa Allah Subhanahu wa Taala mahu memperlihatkan apa yang telah disediakan sebagai balasan kepada hamba-hambanya di akhirat, tentang keindahan syurga dan kecelakaan neraka. Baginda diperjalankan oleh Allah Subhanahu wa Taala bagi menyaksikan tanda-tanda kekuasaan dan kebesaran Allah Subhanahu wa Taala, maka dengan ini telah menambahkan keimanan dan keyakinan dalam jiwa Baginda, sehingga Baginda dapat terus berusaha dengan lebih sempurna dalam menyampaikan risalah tauhid.

Peristiwa Israk dan Mikraj benar-benar menguji keyakinan umat Islam akan kebenaran ajaran Islam. Mereka yang mempunyai iman yang kukuh pasti akan mengakui dan membenarkan peristiwa luar daripada kebiasaan pemikiran akal ini.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Pengajaran yang paling penting dalam peristiwa Israk dan Mikraj ialah tentang kewajipan menunaikan solat. Solat telah difardukan secara terus daripada Allah Subhanahu wa Taala kepada Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam tanpa perantaraan malaikat Jibril Alaihi Salam. Ibadah-ibadah yang lain difardukan oleh Allah Subhanahu wa Taala melalui wahyu yang disampaikan oleh malaikat Jibril Alaihi Salam.

Kita umat Islam wajib mengerjakan solat fardu lima waktu sehari semalam serta menjaga waktunya. Tetapi apa yang berlaku, terdapat sebilangan orang yang

masih lalai untuk melaksanakan ataupun melambatkan solatnya sehingga luput waktunya dengan alasan sibuk dengan urusan kerja, keluarga dan sebagainya. Sesungguhnya orang yang benar-benar beriman akan menjaga solatnya dengan sempurna, baik dari pelaksanaannya mahupun waktunya. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Ma'un ayat 4 hingga 5:

فَوَيْلٌ لِلْمُصَلِّينَ ﴿٤﴾ الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ ﴿٥﴾

Yang bermaksud : *"(Kalau orang yang demikian dikira sebagai orang yang mendustakan agama) maka kecelakaan besar bagi orang yang solat. Iaitu orang yang lalai dari menyempurnakan solatnya."*

Ibadah solat menjadi tunjang kepada amal ibadah yang lain. Sebagaimana Sabda Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Tarmizi:

" أَنْ أَوَّلَ مَا يُحَاسَبُ بِهِ الْعَبْدُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ الصَّلَاةُ "

Yang bermaksud: *"Bahawasanya pertama sekali yang dihisab pada seseorang hamba di hari kiamat ialah solatnya "*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala

Antara hikmah Allah Subhanahu Wata'ala memperlihatkan berbagai-bagai kejadian aneh dalam peristiwa Israk dan Mikraj itu, adalah untuk menjadi peringatan

dan pengajaran kepada manusia supaya membuat perubahan positif terhadap diri mereka. Sebagai contoh, jika dahulunya mengabaikan dan malas untuk solat maka setelah menghayati peristiwa ini dan mengambil iktibar daripadanya, ia akan berubah menjadi rajin menunaikan solat khususnya secara berjemaah. Jika dahulunya makan riba, maka sekarang telah berubah dan tidak akan melakukannya lagi, begitulah seterusnya akan mentaati perintah Allah Subhanahu Wataala dan meninggalkan larangan-Nya, bukan terus-menerus bergelumang dengan dosa dan maksiat serta langsung tidak mahu mendengar teguran dan nasihat, ibarat kata perumpamaan 'masuk telinga kanan, keluar telinga kiri'. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah an-Nahl ayat 97 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً ۖ وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٩٧﴾

Yang bermaksud: "Sesiapa yang mengerjakan amal soleh, sama ada lelaki mahupun perempuan dalam keadaan beriman, Maka sesungguhnya akan Kami berikan kepadanya kehidupan yang baik dan sesungguhnya akan Kami beri balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan."

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ

قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.